

SOSIALISASI GURU PERMULAAN DI SEKOLAH RENDAH

Rosli bin Yacob

Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

Wan Hasmah binti Wan Mamat

Fakulti
Pendidikan
Universiti Malaya

This article presents the findings of a study on the process of beginning teachers' socialization in primary schools. In-depth interviews, observation and document analysis were employed to gather data from six beginning teachers. This study found that beginning teachers' perspectives toward the headmaster, teachers and pupils have developed through the process of social interactions. Beginning teachers relied on their peer group to help them navigate the school system. Supportive headmasters and working environment also influenced the process of beginning teachers' socialization.

Guru merupakan tunjang kepada gagal atau berjayanya seseorang murid kerana mereka bukan sahaja berperanan sebagai pendidik raelalui pengajaran secara langsung tetapi juga membina semaksimum mungkin perkembangan dan tumbesaran murid (Rahimah Ahmad, 1999). Dalam usaha melahirkan guru permulaan yang berkualiti, program pendidikan guru telah memastikan bakal-bakal guru diberikan pendedahan teori dan praktikal secukupnya serta membentuk sahsiah guru yang unggul. Namun begitu, isu yang sering diutarakan adalah berkait dengan kelemahan guru-guru permulaan. Perkara ini memberi implikasi yang besar kepada program pendidikan guru, seolah-olah ia mencerminkan masih terdapat kelemahan dan kekurangan dalam proses melahirkan guru berkualiti.

Isu-isu Guru Permulaan

Beberapa kajian dan penulisan tentang guru permulaan di Malaysia (Abu Bakar Nordin, 1994; Chan, 1997; Jamaluddin Yusoff, 1990; Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1989; Zuraidah A. Majid, 2001) telah menyentuh tentang kelemahan mereka dalam melaksanakan tugas. Abu Bakar Nordin (1994) telah menyenaraikan lapan bidang kelemahan guru permulaan, seperti berikut: kurang mahir menguruskan aktiviti ko-kurikulum, kurang kemahiran menjalankan aktiviti sukan, tidak memahami peraturan dan disiplin sekolah, kurang yakin mengawal disiplin bilik darjah, kurang pengalaman tentang masalah-masalah yang wujud di sekolah, kurang teori dan amalan latihan, tidak cukup kemahiran menggunakan pusat sumber dan kurang kemahiran sosial.

Mohd Nasir Mohd Idris (1998) dalam kajian beliau terhadap 128 orang guru lulusan maktab di empat buah daerah di Negeri Sembilan mendapati masalah utama guru

permulaan adalah berhadapan dengan keperibadian murid, kegiatan ko-kurikulum, kaedah mengajar, pengurusan bilik darjah dan bahan pengajaran. Zuraidah A. Majid (2001) menyokong dapatan kajian Mohd Nasir (1998) dalam kajian beliau terhadap 250 orang guru permulaan di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan. Manakala Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1989) pula melaporkan prestasi majoriti guru permulaan lepasan maktab perguruan di sekolah-sekolah rendah hanyalah mencapai taraf sederhana sahaja. Antara kelemahan yang paling ketara ialah dalam aspek persediaan iaitu kurang menyediakan bahan dan tidak menggunakan alat bantu mengajar.

Ringkasnya masalah profesionalisme adalah isu yang sering dikaitkan dengan guru-guru permulaan. Isu-isu ini dilihat sebagai penghalang kepada hasrat untuk melahirkan seorang guru yang berkesan dan berkualiti yang akhirnya dapat membentuk murid yang cemerlang. Walaupun pelbagai punca masalah ini telah dibincangkan oleh para sarjana, penjelasan terhadap punca masalah-masalah sehingga kini masih belum mencukupi. Justeru itu, dalam memahami permasalahan tentang guru permulaan, kajian berasaskan kerangka sosialisasi perlu dilakukan bagi memahami secara mendalam isu-isu yang melibatkan guru permulaan di sekolah (Zeichner & Gore, 1990).

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan proses sosialisasi guru permulaan di sekolah dengan memberi fokus kepada bentuk hubungan guru permulaan dengan guru besar, guru-guru dan murid di sekolah, serta meneliti bagaimana hubungan ini mempengaruhi perkembangan mereka sebagai seorang guru. Secara khusus, dua soalan kajian yang ingin dijawab ialah, pertama, apakah bentuk hubungan guru permulaan dengan guru besar, guru-guru dan murid-murid? Kedua, bagaimana perhubungan ini diberi makna oleh guru permulaan dalam proses sosialisasi di sekolah?

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Kajian difokuskan kepada hubungan guru permulaan dengan guru besar, guru-guru dan murid-murid dalam situasi kerja di mana mereka mula berkhidmat. Untuk mendapatkan data yang mendalam, kepelbagaian teknik pengutipan data, seperti temu bual, pemerhatian, pengurupulan dokumen dan jurnal informan kajian telah dilakukan.

Informan terdiri daripada enam orang guru-guru permulaan lepasan institut perguruan iaitu seorang guru lelaki dan lima orang guru perempuan. Keenam-enam informan ini telah menamatkan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) di institusi perguruan di Malaysia. Mereka telah memperoleh diploma perguruan dalam bidang masing-masing. Dua orang daripada informan berkhidmat di sebuah sekolah rendah yang terletak di pinggir bandar raya Kuala Lumpur, manakala empat orang yang lain mengajar di sebuah sekolah rendah di pusat bandar raya Kuala Lumpur. Keenam-enam informan yang dipilih telah mula berkhidmat di antara enam bulan hingga setahun lebih pada masa kajian ini mula dijalankan.

Teknik pengurupulan data. Bersesuaian dengan tujuan kajian ini, temu bual mendalam (*in-depth interviewing*) telah digunakan dengan berpandukan kepada cadangan Taylor dan Bogdan (1984) dan model temu bual mendalam oleh Seidman (1998). Menurut Seidman (1998), "*at the root of in-depth interviewing is an interest in understanding the experience of other people and the meaning they make of that experience*" (him. 3). Selari dengan ciri-ciri temu bual mendalam, kajian ini telah menggunakan soalan temu bual terbuka (*open-ended questions*) atau separa struktur (Merriam, 2001).

Pemerhatian juga telah dilaksanakan. Melalui pemerhatian, gambaran tentang konteks kajian, informan, aktiviti yang berlaku dan perlakuan dalam situasi sebenar dapat dilihat sendiri oleh pengkaji. Selain itu, kaedah pemerhatian juga boleh digunakan sebagai alat untuk menambah data baru tentang insiden tertentu atau tingkah laku informan yang boleh digunakan sebagai asas untuk membina soalan-soalan temu bual. Pemerhatian juga dapat dijadikan sebagai rujuk silang (*cross checks*) untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada temu bual dan bukti dokumen (Merriam, 2001). Dalam kajian ini pemerhatian telah dilakukan dalam kawasan sekolah terutamanya di bilik guru, kantin dan bilik darjah.

Satu lagi kaedah pengurupulan data yang digunakan ialah catatan lapangan. Semasa di lapangan, semua perkara yang diperhatikan dan didengar telah dicatat di dalam buku catatan. Catatan dibuat dalam bentuk yang ringkas, mengandungi butir-butir yang penting tentang keadaan tempat, aktiviti informan dan interaksi yang melibatkan informan. Catatan ringkas yang ditulis semasa pemerhatian di lapangan telah dikembangkan dan ditambah dengan peristiwa yang tidak sempat ditulis tetapi masih segar dalam ingatan pengkaji. Oleh itu, penulisan catatan lapangan yang lengkap telah dilakukan sebaik sahaja pengkaji meninggalkan kerja lapangan pada hari tersebut.

Analisis Data

Penganalisan data dijalankan dalam dua peringkat, iaitu semasa dan selepas proses pengurupulan data seperti yang dicadangkan oleh Bogdan dan Biklen (1992) dan Merriam (2001). Analisis data dimulakan dengan meneroka data yang terkumpul. Meneroka data bermaksud membaca data untuk memahami isi keseluruhan data bagi membolenkan analisis secara intensif dilakukan (Taylor & Bogdan, 1984). Proses analisis data telah dimulakan dengan membaca berulang kali data-data yang terkumpul. Sejurus selepas sesuatu transkrip temu bual dan catatan lapangan dicetak, ia terus dibaca. Begitu juga dengan dokumen lain seperti catatan jurnal yang dikumpul pada hari berkenaan. Melalui proses pembacaan ini tema dan kategori tertentu telah dikenal pasti.

Dapatan Kajian

Analisis data terhadap interaksi sosial guru permulaan dengan guru besar dan guru-guru lain telah dilakukan dan beberapa penemuan dihuraikan seperti berikut.

Hubungan dengan Guru Besar

Secara umumnya kajian ini mendapati guru permulaan menyedari akan pentingnya hubungan yang baik dengan guru besar di sekolah. Informan berpendapat hubungan baik dengan guru besar akan memudahkan mereka berurusan untuk melaksanakan tugas di sekolah dengan baik. Seorang informan menyatakan, "hubungan saya dan guru-guru, dengan guru besar macam hubungan dua hala. Maksudnya kita beri kerjasama, guru lain juga macam tu. Dan guru besar sebagai ketua yang memberi sokongan dan menghormati kita sebagai guru" (temubual 4,57-60). Justeru itu, informan berusaha untuk menjalinkan hubungan baik dengan guru besar malah ada yang menganggap guru besar sebagai 'ayah' dan 'ibu', yang perlu dihormati dan mengharapkan guru besar berperanan sebagai pemimpin yang dapat memberi tunjuk ajar.

Namun begitu hasil analisis juga mendapati hubungan guru besar dan guru permulaan banyak bertumpu kepada tugas-tugas rasmi. Ini diakui sendiri oleh informan.

Saya nak sembang betul-betul dengan guru besar jarang. Saya jaranglah jumpa dengan guru besar (temubual 4,110-111).

Jarang. Kadang-kadang nak juga apa kan. Sebab saya tidak ada pengalaman nak ajar budak yang tak tahu menulis. Saya tak tahu macam mana. Kadang-kadang saya buntu juga (temubual 1,256-270).

Nak ikutkan jarang jumpa. Ni nak uruskan pembelian buku latihan UPSR. Sebab saya sebagai penyelaras Tahun Enam, kena tanya dia (guru besar) dulu buku yang nak dipilih (catatan lapangan, 11 Ogos).

Walaupun interaksi dengan guru besar jarang berlaku, sikap dan tindakan guru besar semasa melaksanakan tugas pentadbiran di sekolah diberikan perhatian oleh guru permulaan. Mereka berpendapat cara guru besar mengagihkan tugas guru secara adil, keberanian dalam menyelesaikan masalah guru-guru di sekolah, dan kejayaan melaksanakan program yang dirancang sebagai perkara yang wajar dipelajari untuk menjadi guru yang baik. Seorang informan dalam kajian ini misalnya mengakui sikap yang ditunjukkan guru besar dan pengalaman bekerja bersama telah banyak menambah dan memperkayakan pengetahuan yang belum pernah diterima semasa di institut perguruan.

Rumusannya, data menunjukkan hubungan antara guru besar dan guru permulaan adalah dalam konteks tugas di sekolah, iaitu guru besar sebagai ketua. Status guru besar sebagai ketua bukan sahaja menyebabkan banyak urusan tugas dirujuk kepada guru besar, tetapi status ini juga membentuk perspektif informan bahawa guru besar mempunyai peranan yang lebih dalam aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah berbanding peranan sebagai pembimbing dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Walaupun begitu peranan guru besar didapati penting dalam menentukan suasana kerja yang selesa, begitu juga dengan motivasi guru yang dikatakan bergantung kepada kecekapan dan kewibawaan guru besar.

Hubungan Guru Permulaan dan Guru-guru

Kajian ini mendapati guru merupakan rakan sekerja dan teman sosial yang banyak mempengaruhi perkembangan guru. Dalam proses menyesuaikan diri semasa mula berada di sekolah, guru adalah rakan untuk berbual dan tempat untuk berkongsi masalah. Sebarang masalah berkaitan dengan tugas mengajar dirujuk kepada guru perraulaan. Sebagai contoh seorang informan mengatakan,

Dia bukan guru penasihat, dia membantu saya. Saya tanya sebab dia ada experience untuk Tahun Satu, sebab saya tak tahu macara mana nak ajar budak Tahun Satu sebab dia ni baru lagi.. baru masuk sekolah. So I don't know how to teach them. Saya banyak ajar Tahun 4 dan 5 masa praktikum. (Temubual 2,26-32)

Guru-guru banyak membawa guru permulaan menyesuaikan diri dengan keadaan di sekolah seperti menunjuk ajar perkara yang berkaitan dengan perjawatan, menjadi penghubung bagi mengenali dan bekerjasama dengan guru lain serta teman untuk mendengar atau membincangkan masalah di sekolah.

Dilihat dari sudut yang lain pula, penerimaan dan kerjasama yang diperoleh daripada guru berpengalaman mempengaruhi motivasi guru permulaan. Informan mendapati tugas di sekolah adalah menyeronokkan dan menilai aspek kerjasama dan kemesraan guru-guru sebagai satu faktor yang menimbulkan semangat mereka untuk bekerja lebih lama di sekolah ini. Menurut seorang informan, "rasanya tak ada yang menimbulkan rasa kecewa, saya suka sekolah ni, budak-budak dia, cikgu dia, o.k. pada saya" (catatan lapangan, 14 Oktober). Informan tidak menghadapi masalah untuk bekerjasama dengan guru-guru terutama di sekolah yang kecil kerana suasana kekeluargaan yang dikatakan wujud di sekolah. Data pemerhatian mengesahkan bahawa semangat bekerjasama dan saling membantu menjadi budaya guru di sekolah tersebut. Guru-guru bukan sahaja berbincang bersama di bilik guru tetapi juga kerap bersama-sama ketika berada di kantin sekolah, pusat sumber atau semasa mengendalikan aktiviti di sekolah.

Kesimpulannya, guru merupakan agen sosialisasi yang penting bagi guru baru dalam proses penyesuaian diri mereka di sekolah. Guru dapat mengurangkan tekanan dan masalah yang dihadapi guru baru. Selain berperanan sebagai pembimbing, guru-guru adalah contoh dan model dalam menilai kecekapan diri mereka sebagai seorang guru.

Hubungan dengan Murid

Kajian ini juga mendapati murid merupakan agen sosialisasi yang penting kepada seorang guru permulaan. Dua perkara utama yang menjadi kebimbangan guru permulaan ialah masalah pengajaran dan pembelajaran dan masalah disiplin murid.

Sebagai guru permulaan pengalaman mengajar yang diperoleh masih dirasakan terlalu cetek. Informan beranggapan mereka masih gagal menyampaikan pengajaran yang berkesan dan kadang-kala ketandusan idea untuk melaksanakan aktiviti yang menarik. "Saya dah tak tahu lagi apa nak buat. Rasanya semua dah buat tapi budak-budak ni dah macam tak nak dengar apa yang kita ajar" (temubual 5,23-25).

Bagi informan, satu daripada ciri-ciri guru yang baik ialah guru yang boleh mengawal disiplin murid. Masalah disiplin bukan sahaja menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu tetapi juga informan merasakan diri mereka kurang dihormati murid dan gagal untuk menjadi guru yang berkesan. Hal ini berlaku dalam kes informan kajian ini yang mendapati murid-murid tidak menghormati mereka sebagai seorang guru. Ada murid yang dikatakan bersikap kurang ajar dan melawan. Dalam menghadapi situasi ini informan merasakan kemahiran mereka mengawal murid masih terlalu cetek berbanding guru yang berpengalaman. Selari dengan masalah disiplin ini guru permulaan menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengajarannya seperti lebih tegas semasa mengajar. Seperti yang diperkatakan oleh seorang informan:

... budaya budak-budak di sekolah ini kita tidak boleh bercakap terlalu lembut dengan dia orang. Kita kena ada satu.. .tegas. Bila kita nak pekik baru dia nak dengar. Bila kita nak jerit baru nak dengar. Kita tak boleh nak terlalu lembut dengan dia orang. Ada sesetengah sekolah boleh (temubual 4,204-207).

Kesimpulannya interaksi di bilik darjah telah menyampaikan mesej kepada guru permulaan tentang keupayaan mereka dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru yang baik. Informan beranggapan mereka masih banyak kelemahan dalam aspek pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Atas dasar ini juga penyesuaian diri dengan budaya sekolah, hubungan baik dengan guru besar dan guru merupakan perkara penting bagi guru permulaan untuk meningkatkan diri sebagai seorang guru.

Perbincangan


Secara ringkasnya dapatan kajian merumuskan bahawa sosialisasi adalah proses saling mempengaruhi antara aspek peribadi individu dan konteks sosial sekolah. Ringkasnya proses penyesuaian diri guru permulaan dapat ditunjukkan dalam Rajah 1. Melalui interaksi sosial di sekolah, guru permulaan akan menyesuaikan diri dengan situasi yang baru dengan mengambil kira pengalaman yang ada dan interpretasi mereka terhadap pelbagai aspek yang wujud dalam konteks sekolah. Proses ini akan menambah kepada pengetahuan dan kemahiran sedia ada guru dan seterusnya mempengaruhi perspektif mengajar, iaitu kepercayaan dan amalan guru.

Dalam konteks interaksi sosial di sekolah, guru permulaan memberi tumpuan kepada dua aspek yang penting iaitu, pertama, menyesuaikan diri dengan guru besar dan guru-guru, dan yang kedua ialah mempelajari tentang peranannya sebagai guru terutama bagi tugas-tugas bukan mengajar. Persekitaran sosial sekolah, seperti budaya sekolah, sikap guru besar dan kerjasama guru-guru merupakan faktor yang memberi implikasi kepada perspektif mengajar guru-guru permulaan.

Dalam konteks interaksi di bilik darjah pula, guru permulaan berhadapan dengan dua situasi yang ketara iaitu masalah pembelajaran dan disiplin murid. Masalah-masalah ini diinterpretasikan dan diberi makna berdasarkan kepercayaan tentang pengajaran dan pengetahuan serta kemahiran yang mereka milik. Proses interpretasi dan memberi makna ini akhirnya membentuk perspektif mengajar guru.

Penyesuaian Diri Guru Permulaan Di Sekolah

Dapatan kajian mendapati guru permulaan amat memberi penekanan kepada penyesuaian diri mereka dengan persekitaran di sekolah. Hubungan dengan guru besar dan guru sentiasa diberikan perhatian utama. Dalam menjaga hubungan ini guru-guru permulaan didapati komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi tanpa bantahan walaupun terdapat tugas yang difikirkan membebankan mereka. Aktiviti dan program yang diadakan di sekolah merupakan ruang terbaik untuk mengenali secara rapat dengan guru-guru lain di sekolah. Dapatan ini tidaklah menghairankan kerana daripada kajian-kajian yang telah dijalankan, terutama yang berlandaskan model perkembangan guru oleh Fuller (1969), menunjukkan guru permulaan melalui peringkat *survival* apabila mula berada di sekolah. Pada peringkat ini, guru permulaan dikatakan lebih memikirkan tentang penerimaan guru lain dan murid di sekolah daripada menitikberatkan tentang pembelajaran murid.



Rajah 1. Proses penyesuaian diri guru permulaan

Daripada data, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada proses penyesuaian diri guru permulaan di sekolah. Antaranya ialah pengalaman, ciri-ciri peribadi guru permulaan dan keadaan sekolah. Tidak dinafikan pengalaman yang ada telah membantu proses penyesuaian diri guru permulaan di sekolah. Dua orang guru permulaan dalam kes kajian ini telah berusia 29 tahun dan pernah menjawat beberapa tugas lain sebelum mengikuti latihan perguruan. Kematangan usia dan pengalaman bertugas sedikit sebanyak meningkatkan kemahiran mereka berkomunikasi dengan guru lain di sekolah.

Ciri peribadi guru permulaan juga merupakan satu daripada faktor yang mempengaruhi proses penyesuaian diri di sekolah. Guru permulaan yang mempunyai sikap suka bergaul, rajin bertanya, pandai berkomunikasi dan ringan tangan lebih cepat menyesuaikan diri berbanding dengan guru yang tidak mahir berkomunikasi dan suka mengasingkan diri. Dalam kajian ini, sikap proaktif yang ditunjukkan beberapa informan merupakan satu daripada faktor yang membantu proses penyesuaian diri mereka. Mereka bukan sahaja mendapat kerjasama yang baik daripada guru-guru, malah turut membantu guru-guru yang memerlukan pertolongan dan memberi sumbangan idea yang bernas untuk menjayakan sesuatu program.

Penyesuaian diri guru permulaan juga bergantung kepada keadaan di sesebuah sekolah. Keadaan tersebut boleh dilihat dari segi bilangan guru dan murid, faktor sosiobudaya dan budaya sesebuah sekolah. Sekolah yang mempunyai bilangan guru dan murid yang sedikit telah membentuk hubungan yang erat antara guru-guru di sekolah. Berbeza dengan keadaan sekolah yang mempunyai guru yang ramai telah menyebabkan informan tidak dapat mengenali semua guru dalam masa yang singkat. Justeru, terdapat kecenderungan informan merapatkan diri dengan guru-guru lain yang mempunyai minat dan jantina yang sama. Implikasi daripada situasi ini ialah informan kurang bergaul dengan guru lain yang lebih berpengalaman untuk dijadikan tempat berbincang dan mengemukakan masalah.

Keadaan di sekolah juga merujuk kepada faktor sosiobudaya sekolah iaitu *taken-for-granted practices within the school* (Calderhead & Shorrocks, 1997, hlm.174). Susunan kerusi meja di bilik guru, pelaksanaan aktiviti di sekolah dan jangkaan terhadap pencapaian pelajar, adalah antara perkara yang dianggap biasa tetapi mempunyai implikasi kepada perkembangan guru permulaan. Di salah sebuah sekolah yang dikaji penyusunan kerusi meja di bilik guru mengikut kelas mempengaruhi corak interaksi antara guru-guru. Guru yang mengajar Tahap 1 misalnya duduk terpisah dengan guru yang mengajar Tahap 2, dan keadaan ini kurang menggalakkan kerjasama antara guru.

Peranan Guru Besar dalam Sosialisasi Guru

Satu rumusan dapatan dalam kajian ini ialah guru besar mempengaruhi guru-guru permulaan dalam proses sosialisasi mereka. Beberapa penemuan penting kajian ini ialah informan berpendapat guru besar memainkan peranan penting dalam menentukan budaya sekolah dan kelancaran pentadbiran sesebuah sekolah. Informan mendapati bahawa guru besar yang cekap dikatakan mampu menguruskan sesuatu aktiviti dengan baik seperti melibatkan kerjasama semua guru dan pembahagian tugas yang adil. Dari sudut yang lain pula didapati bahawa suasana bekerjasama dalam kalangan guru dan pembahagian tugas yang adil dilihat informan sebagai satu keadaan positif yang meningkatkan motivasi untuk bekerja. Hal ini jelas diperhatikan dalam kes informan di sebuah sekolah yang

mengatakan keseselaannya berkhidmat di sekolah tersebut kerana mempunyai guru-guru yang mahu bekerjasama dan guru besar yang cekap. Informan melihat aspek-aspek seperti pembahagian tugas, keseselaan menggunakan kemudahan peralatan sekolah dan sikap guru besar terhadap guru, sebagai aspek yang mempengaruhi motivasi dan kepuasan bekerja guru-guru.

Walau bagaimanapun satu dapatan penting dalam kajian ini ialah informan tidak menganggap guru besar sebagai seseorang yang dapat membantu mereka dalam membaiki mutu pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Jones, Taylor, Cadenas, dan Shindler (2002) dan kajian oleh Chi, Walker, dan Bodycott (2000). Staton dan Hunt (1992) misalnya mengatakan walaupun guru besar mempunyai kuasa sebagai seorang pengurus di sekolah, guru permulaan tidak menganggap guru besar sebagai pembimbing atau sebagai tempat untuk merujuk. Interaksi dengan guru besar juga didapati jarang berlaku dan lebih tertumpu kepada membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-nal tugas, perjawatan aan permononan unrujt oercuu. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang pernali dijalankan oleh Jones et al. (2002). Bagaimanapun berbeza dengan kajian mereka, kajian ini mendapati hubungan informan dengan guru besar adalah rapat di sekolah yang mempunyai jumlah bilangan guru dan murid yang kecil.

Antara faktor yang mempengaruhi bentuk interaksi guru permulaan dan guru besar ialah informan menganggap guru besar sebagai seorang ketua yang lebih banyak menjalankan urusan pentadbiran. Oleh itu, pertemuan dan interaksi dengan guru besar lebih menumpukan kepada perkara-perkara pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti sekolah berbanding dengan perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Berkaitan dengan ini, kajian Chi et al. (2000) misalnya mendapati tugas pentadbiran menyebabkan seseorang guru besar tidak mempunyai masa untuk berbincang dengan guru-guru tentang masalah pengajaran dan pembelajaran.

Faktor lain yang mempengaruhi bentuk interaksi guru permulaan dan guru besar ialah kebanyakan masalah di bilik darjah, seperti masalah tidak membawa buku, bising, tidur dalam kelas, mengganggu rakan dan tidak menyiapkan kerja sekolah, dianggap oleh informan sebagai masalah kecil dan tidak perlu dirujuk kepada guru besar. Masalah tersebut dikatakan boleh diselesaikan oleh guru sendiri dan mereka percaya apabila pengalaman mereka bertambah, masalah tersebut dapat ditangani. Informan juga merasakan adalah lebih mudah jika masalah tersebut dikongsi bersama dengan rakan rapat atau guru-guru yang berpengalaman. Informan menganggap hubungan mereka dengan guru besar lebih kepada hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan. Tambahan pula mereka menyedari guru besar tidak mempunyai masa untuk membimbing semua guru.

Sokongan dan Bimbingan Guru-guru

Kajian ini mendapati guru merupakan rakan sekerja dan teman sosial yang banyak mempengaruhi perkembangan guru. Dalam proses menyesuaikan diri pada mula berada di sekolah, guru adalah rakan untuk berbual dan tempat untuk berkongsi masalah. Informan juga menganggap guru-guru terutama rakan sebaya sebagai rakan yang memberi sokongan emosi kepada mereka. Sokongan emosi ini dapat membantu guru-guru permulaan mengurangkan tekanan terhadap masalah-masalah yang dihadapi pada tahun

pertama di sekolah. Guru banyak membantu mereka menyesuaikan diri dengan keadaan di sekolah seperti menunjuk ajar perkara-perkara yang berkaitan dengan perjawatan, menjadi penghubung bagi mengenali dan bekerjasama dengan guru lain serta teman untuk mendengar atau membincangkan masalah-masalah di sekolah. Di lihat dari sudut yang lain pula, penerimaan dan kerjasama yang diperoleh daripada guru berpengalaman mempengaruhi motivasi guru permulaan. Informan mendapati tugas di sekolah adalah menyeronokkan dan menilai aspek kerjasama dan kemesraan guru-guru sebagai satu faktor yang menimbulkan semangat mereka untuk bekerja lebih lama di sekolah ini.

Dapatan ini menunjukkan bahawa rakan sebaya merupakan agen sosialisasi yang penting kepada guru permulaan seperti yang dibuktikan dalam beberapa kajian yang telah dijalankan (Fossey, Angelle, & McCoy, 2004; Pataniczek & Isaacson, 1981; Zeichner & Grant, 1981). Satu penjelasan yang dapat dibuat daripada dapatan ini ialah rakan memberi sokongan emosi kepada guru-guru permulaan, terutama di peringkat *survival* (Fuller, 1969). Pada peringkat ini informan akan mencari teman yang mempunyai masalah yang hampir sama, seperti juga guru-guru permulaan yang lain. Lama-kelamaan hubungan mereka menjadi bertambah erat dan membentuk satu budaya yang tersendiri.

Seperti yang terdapat dalam dapatan kajian-kajian tentang masalah guru-guru permulaan (Fuller, 1969; Veenman, 1984), kajian ini mendapati informan tidak terlepas daripada menghadapi dua masalah utama iaitu masalah untuk mengajar dan mengawal murid. Dari aspek penyampaian isi pelajaran, terdapat informan yang mengakui belum menguasai isi kandungan mata pelajaran terutama bagi mata pelajaran bukan pengkhususan. Persoalan yang sering dikemukakan oleh informan seperti bagaimana untuk mengajar murid yang tidak boleh membaca dan menulis? bagaimana mengajar untuk menarik minat murid?, dan bagaimana untuk menerangkan tajuk-tajuk tertentu?, menunjukkan bahawa informan masih tidak menguasai pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi yang perlu untuk mengajar. Masalah lain yang dihadapi informan ialah masalah disiplin murid. Walaupun kajian ini mendapati disiplin murid bukan merupakan suatu masalah serius, informan menganggap kegagalan mengawal murid untuk memberi perhatian terhadap pelajaran dan mengingkari perintah guru sebagai kegagalan diri mereka untuk menjadi seorang guru yang baik. Rasa rendah diri tentang keupayaan untuk mengajar berbanding dengan guru-guru berpengalaman merupakan satu kebiasaan dalam kalangan informan.

Oleh itu, informan dalam kes kajian ini amat mengharapkan bantuan daripada guru lain. Guru adalah tempat untuk mereka berbincang tentang masalah yang dihadapi berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan juga menunjukkan informan meningkatkan mutu pengajaran dan kawalan kelas melalui pemerhatian terhadap guru-guru lain. Dalam perkataan lain, guru-guru adalah model kepada mereka. Cara guru berpengalaman mengajar dan mengawal murid dijadikan landasan dalam menilai kecekapan diri mereka sebagai seorang guru. Ini menunjukkan bahawa sosialisasi melibatkan peranan aktif informan.

Bagaimanapun apa yang menarik daripada dapatan kajian ini ialah walaupun informan mendapati guru bersedia memberikan bantuan kepada mereka, kebanyakan pengetahuan dan kemahiran sebagai seorang guru diperoleh melalui pembacaan dan pengalaman semasa mengajar. Informan mengatakan bahawa pertolongan dan bimbingan daripada guru akan diperoleh jika mereka sendiri yang menyuarakan masalah.

Implikasi Kajian

Kajian ini telah memberi maklumat baru dan makluraat tambahan kepada bidang sosiologi pendidikan khususnya yang menyentuh tentang guru-guru permulaan. Kajian secara kualitatif yang telah dijalankan membolehkan pelbagai isu guru permulaan diterokai dengan lebih mendalam. Kajian telah menunjukkan tumpuan utama informan pada awal perkhidmatan mereka ialah aspek penyesuaian diri di sekolah, Tidak semua informan dapat menyesuaikan diri dengan baik di sekolah. Ini memberi implikasi bahawa program pendidikan guru perlu melatih aspek interpersonal bagi meningkatkan keyakinan guru permulaan untuk berinteraksi dan menyesuaikan diri dengan individu lain di sekolah. Begitu juga dengan konteks luar sekolah seperti faktor ibu bapa murid yang tidak diambil kira dalam kajian ini tetapi penting dalam menentukan sosialisasi guru.

Guru besar memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi guru walaupun tidak begitu ketara dalam membimbing guru permulaan dari segi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu adalah sewajarnya guru besar raemainkan peranan yang lebih bagi membantu guru-guru permulaan menyesuaikan diri dengan lebih cepat di sekolah. Aktiviti sekolah dilihat sebagai satu aspek yang positif dalam proses penyesuaian diri guru permulaan. Oleh itu program seperti program induksi bagi guru permulaan, aktiviti dan kursus perlu dirancang untuk mengurangkan tekanan kepada guru permulaan dalam menghadapi masalah pengajaran dan pembelajaran.

Adalah didapati faktor persekitaran sekolah seperti jumlah murid dan guru yang ramai, disiplin murid, dan sokongan guru atau guru besar mempengaruhi sosialisasi guru permulaan. Walau bagaimanapun persekitaran sekolah adalah faktor yang sukar diubah, apatah lagi terdapat pelbagai jenis dan saiz sekolah yang terdapat di sesebuah negara seperti Malaysia. Peraturan sekolah dan cara berinteraksi yang diamalkan oleh guru-guru dan murid-murid juga telah menjadi budaya yang sukar untuk diubah dan mempengaruhi guru permulaan (Sharifah Md Nor, 2000). Oleh itu implikasi daripada dapatan ini boleh dilihat dari sudut yang lain. Guru permulaan perlu dibekalkan dengan pengetahuan yang mencukupi tentang budaya sekolah dan membiasakan diri dengan pelbagai keadaan dan jenis sekolah semasa menjalani latihan mengajar. Justeru bilangan latihan mengajar sebanyak dua kali dalam tempoh program pendidikan guru yang dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Guru wajar diteruskan. Bagaimanapun pemantauan dari segi menentukan jenis dan keadaan sekolah bagi setiap guru pelatih perlu diberikan perhatian. Guru pelatih sepatutnya diberi peluang untuk menjalani latihan mengajar di dua buah sekolah yang berbeza dari segi jenis dan saiz agar guru pelatih mendapat pengalaman yang lebih luas.

Penutup

Kajian yang bersifat kualitatif seperti kajian ini telah menghasilkan satu huraian yang mendalam tentang proses sosialisasi guru permulaan. Walaupun terdapat batasan yang tertentu, kajian ini dapat memberi gambaran tentang pengalaman yang dilalui oleh enam orang guru permulaan di dua buah sekolah yang berlainan. Huraian tentang interaksi dengan guru besar, guru dan murid, sokongan daripada guru besar dan guru, masalah yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan bagaimana mereka memberi makna kepada situasi tersebut merupakan dapatan yang boleh digunakan dalam memahami situasi sebenar guru permulaan di sekolah. Justeru itu hasil kajian ini boleh membantu pihak tertentu untuk membaiki dan meningkatkan kualiti guru permulaan.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin. (1994). Cabaran pendidikan guru: Falsafah dan strategi dalam pembentukan guru yang unggul. Dalam Rashidi Azizan & Abdullah Mohd.Noor (Sid. Ed.), *Pendidikan guru: Cabaran, falsafah dan strategi dalam pembentukan guru yang unggul*. Malaysia: Masa Enterprise.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1992). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods* (2nd ed.). Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- Calderhead, J., & Shorrock, S. B. (1997). *Understanding teacher education: Case studies in the professional development of beginning teachers*. London: The Falmer Press.
- Chan, S. K. (1997). *Perceived problems and needs of beginning teacher in Sarawak*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chi Kin Lee, J., Walker, A., & Bodycott, P. (2000). Pre-service teachers' perceptions about principals in Hong Kong: Implications for teacher and principal education. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 28(1), 53-68.
- Fossey, R., Angelle, P. S., & McCoy, M. H. (2004). *Burnout: Steve Watson's first year as an inner city teacher*. Dimuat turun pada 22 Mei, 2004, daripada <http://www.ucea.org/cases/v4-Iss2/FosseyAngelleMcCoyCase.pdf>.
- Fuller, F. F. (1969). Concerns of teachers: A developmental conceptualization. *American Educational Research Journal*, 6(2) 207-226.
- Jamaluddin Yusoff. (1990). *Masalah profesional guru baru sekolah rendah lepasan Institut Peguruan Kinta*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. (1989). *Prestasi guru-guru lepasan institut*. Laporan seminar kebangsaan pendidikan guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Melaka 11-13 Disember.
- Jones, A., Taylor, C, Cadenas., & Shindler, J. (2002). *That won't work in my school: Examining the interactions among the beliefs of new teachers, their principals and the climate of their school*. Dimuat turun pada 22 Mei, 2004, daripada <http://www.nssa.us/nassajrnl>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pembangunan pendidikan 2001-2010*. Malaysia: KPM.
- Merriam, S. B. (2001). *Validity and reliability in qualitative research*. Kertas kerja dibentangkan di Qualitative Research Convention 2001, Kuala Lumpur.
- Mohd Nasir Mohd Idris. (1998). *Masalah profesional guru permulaan sekolah rendah Negeri Sembilan*. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Pataniczek, D., & Isaacson, N. S. (1981). The relationship of socialization and the concerns of beginning secondary teachers. *Journal of Teacher Education*, 32(3), 14 - 17)
- Rahimah Ahmad. (1999, Oktober), Pendidikan guru untuk sekolah berkesan. *Prosiding Seminar Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Seidman, I. (1998). *Interviewing as qualitative research: A guide for researchers in education and the social sciences* (2nd ed.). New York: Columbia University, Teachers College.
- Sharifah Md. Nor. (2000). *Keberkesanan sekolah: Satu perspektif sosiologi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia,
- Staton, A. Q., & Hunt, S. L. (1992). Teacher socialization: Review and conceptualization. *Communication Education*, 41, 109 - 137,
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to qualitative research methods: The search for meanings* (2nd ed.). New York: Wiley.
- Veenman, S. (1984). Perceived problems of beginning teachers. *Review of Educational Research*, 54(2), 143-178.
- Zeichner, K. M., & Gore, J. M. (1990). Teacher socialization. Dalam W. Robert Houston, M. Haberman, & J. Sikula (Sid. Ed.), *Handbook of research on teacher education*: Macmillan.
- Zeichner, K. M., & Grant, C. A. (1981). Biography and social structure in the socialization of student teachers: A re-examination of the pupil control ideologies of student teachers. *Journal of Education for Teaching*, 7(3), 298 - 314.
- Zuraidah A. Majid. (2001, November). *Masalah-masalah profesionalisme guru-guru permulaan di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Nasional ke-10 Pengurusan dan Kepemimpinan di Institut Aminuddin Baki, Genting, Pahang.